



Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 15 Mei 2021

**PEKELILING JAWATANKUASA TINDAKAN KRISIS UKM:
KATEGORI PENYAKIT BERJANGKIT BIL.1/2021**

**SEMUA PELAJAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Saudara/ Saudari,

PERGERAKAN PULANG PELAJAR KE KAMPUS PASCA AIDILFITRI

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Pelajar-pelajar **selain daripada Kategori 1** adalah dinasihatkan untuk **MENANGGUHKAN** perjalanan pulang ke kampus yang dijadualkan bermula 16 Mei hingga 20 Mei 2021. Ini berikutan peningkatan mendadak kes COVID-19 di Selangor yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Kampus UKM juga telah mencatatkan sejumlah pelajar dan kakitangan yang telah disahkan **POSITIF COVID-19**. Beberapa pelajar juga telah dikenalpasti sebagai kontak rapat dan sedang menjalani tempoh kuarantin di dalam kampus.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM) akan memaklumkan semula tarikh kemasukan pelajar bagi Fasa Keempat. Pelajar yang masih berhasrat ingin meneruskan pergerakan kembali ke kampus boleh berbuat demikian berdasarkan ketetapan yang digariskan di dalam Memo HEP bil 6/2021 bertarikh 12 Mei 2021. Manakala, pelajar yang ingin menangguhkan Hasrat untuk masuk ke kampus perlulah menunggu arahan selanjutnya daripada pihak HEP. Sebarang perubahan kepada jadual dan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan dimaklumkan oleh pihak fakulti masing masing.

4. Sebagai langkah kawalan penularan jangkitan, pelajar perlulah melaksanakan penilaian risiko sendiri sebelum membuat keputusan kembali ke kampus seperti jadual berikut:

Jenis risiko	Catatan	Tindakan yang perlu diambil
Pelajar yang disahkan POSITIF COVID-19	Tanpa mengira lokasi kuarantin iaitu di kediaman atau di pusat rawatan khusus	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan pulang ke kampus Teruskan menjalani rawatan yang diarahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Kembali ke kampus setelah disahkan bebas jangkitan oleh pihak KKM.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

Pelajar yang berkategori kontak rapat (Kategori B & C) dengan POSITIF COVID-19	Tanpa mengira telah menjalani ujian swab COVID-19 atau belum dan samada bergejala atau tidak bergejala	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan pulang ke kampus • Teruskan pemerhatian di rumah selama 10 hari bermula dari tarikh terakhir kontak dengan pesakit positif .
Pelajar dari kawasan PKPD	-	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan pulang ke kampus • Hanya pulang ke kampus apabila kerajaan mengumumkan status PKPD berakhir.
Pelajar yang bergejala	Sebarang gejala yang berkaitan dengan Covid19	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan pulang ke kampus • Dapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kerajaan terdekat . • Pulang ke kampus apabila telah sembuh dari sebarang gejala tersebut.
Pelajar yang mana ahli keluarga serumah diarahkan menjalani ujian swab COVID-19	Tanpa mengira samada ujian swab COVID-19 dilakukan di klinik swasta atau kerajaan dan ahli keluarga tersebut dipakaikan gelang atau tidak	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan pulang ke kampus • Pulang ke kampus apabila ahli keluarga tersebut disahkan bebas dari risiko jangkitan COVID-19.
Pelajar yang mana ahli keluarga serumah diarahkan kuarantin di rumah akibat positif COVID-19	-	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan pulang ke kampus • Pulang ke kampus apabila ahli keluarga tersebut disahkan bebas dari risiko jangkitan COVID-19

5. Pihak universiti sentiasa komited dan bersikap proaktif dalam memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar berada pada tahap yang optimum dalam usaha memutuskan rantai COVID-19. Pelajar yang berhasrat untuk Kembali ke kampus hendaklah mengisi Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF) dengan jujur dan berintegriti. Kegagalan berbuat demikian boleh membawa kemudharatan kepada warga kampus, selain boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Universiti.

Sekiranya pelajar memerlukan pertanyaan lanjut mengenai saringan risiko jangkitan COVID-19, pelajar boleh merujuk kepada Dr. Masdalina Azhari (Pusat Kesihatan Universiti) di talian 019-2645072 (Whatsapp). Manakala, sebarang pertanyaan yang lain, pelajar boleh merujuk kepada En Asyraf bin Radzwan (Pusat Hal Ehwat Pelajar) di talian 012-9510714.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

Sekian, terima kasih.

"Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerja Dalam Era Norma Baharu"

Yang benar



PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerja (ROSH-UKM)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerja,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

